

03 APR 2001

PUTERI UMNO HASIL PANDANGAN JAUH UMNO, KATA WANITA MCA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Penubuhan Puteri Umno adalah hasil pandangan jauh Umno, kata ketua Biro Wanita Muda Wanita MCA Chew Mei Fun, hari ini.

Chew yang juga anggota Parlimen Petaling Jaya Utara berkata, biro itu dapat bekerjasama dan berusaha dengan aktif bersama Puteri Umno dalam semangat Barisan Nasional (BN) untuk mencapai objektif kebangsaan bagi wanita Malaysia dalam persekitaran politik yang mencabar.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno mengumumkan yang Azalina Othman Said akan mengetuai Puteri Umno.

Biro MCA itu ditubuhkan pada 1993 untuk menarik penyertaan wanita bawah umur 40 tahun ke dalam parti.

-- BERNAMA

SHS AHH PR